

Kenduri kahwin digenangi air

KEPALA BATAS -Majlis perkahwinan pasangan pengantin di Kampung Lahar Ikan Mati tetap diteruskan walaupun kawasan kediaman mereka digenangi air akibat banjir kilat, semalam.

Majlis perkahwinan Mohd Hafiz Majid, 28, dan pasangannya Noridayu Che Sab, 28, diadakan di perkarangan rumah Mohd Hafiz.

Bapa pengantin, Majid Harun, 71, berkata, keadaan itu berlaku apabila hujan tidak henti semalaman.

"Hujan turun sekitar jam 2 pagi, masa awal tu air tak naik lagi, lama-kelamaan air mula naik, saya mulanya risau juga, manakan tidak, memikirkan majlis perkahwinan.

"Namun, sekitar jam 1 petang tadi (semalam), hujan mula reda, air yang pada asalnya atas buku lali mula berkurangan namun ada sebahagian kawasan khemah yang masih digenangi air," katanya.

Menurutnya, majlis perkahwinan anaknya terpaksa diteruskan biarpun berdepan dengan keadaan ini.

"Alhamdulillah, majlis masih dapat diadakan, cuma saya risau tetamu yang hadir tidak selesa akibat kawasan ini digenangi air.

"Namun biarpun begitu, hadirin tidak putus-putus bertandang ke majlis perkahwinan anak saya, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang hadir," katanya.



Hafishah menunjukkan kawasan rumahnya digenangi air akibat hujan yang turun semalaman.

Sementara itu, ibu pengantin, Hafishah Yaakob, 54, berkata, air pada mulanya dilihat semakin naik sehingga hampir masuk ke dalam rumah.

"Memang sangat risau, nasib baik hujan berhenti. Tapi bila jadi macam ini, susah juga, sebab orang datang terpaksa mengharungi air, dan kerja-kerja jadi sukar, terpaksa angkut ke sana-sini," katanya.

Abang pengantin, Mohammad Farhan Majid, 35, pula berkata, keadaan itu sekali gus menyukarkan majlis yang diadakan.

"Bukan apa kesian kepada tetamu yang hadir seperti warga emas dan mereka yang kurang upaya.

"Ada tetamu yang berkerusi roda

tak boleh nak lalu, jadi saya dan rakan terpaksa angkat dan usung ke dalam rumah," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Lahar Ikan Mati, Abdul Hamid Jaafar berkata, kawasan ini sering kali dinaiki air sekiranya hujan lebat berterusan.

"Ini pun tidak teruk, sebelum ini ada yang lebih teruk lagi namun tidaklah sampai penduduk kena pindah.

"Cumanya bila berlaku keadaan begini ia menyulitkan urusan penduduk, misalnya kenduri kahwin, mahu tidak mahu terpaksa diadakan dalam keadaan yang digenangi air," katanya.